



КАК

СЕГОДНЯ

PENGAJIAN BAHASA ARAB DI AKADEMI ISLAM

Pendahulu.

Pengajian Bahasa Arab seumpama rentetan sejarah yang panjang ini sudut perkembangannya di Malaysia. Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu lima kurun yang lalu telah merubah corak kebudayaan dan keyakinan penduduk-penduduk dari ajaran Hindu kepada Islam. Selepas itu pendidikan yang berdasarkan ajaran Islam mula diterima. Ilmu-ilmu yang popular untuk dipelajari ialah ilmu-ilmu Usul yang membincangkan tentang zat-zat Allah, sifat-sifat Allah dan sebagainya yang berkaitan dengan ketuhanan. Ilmu-ilmu Fiqah juga popular kerana berkaitan dengan peribadatan kepada Allah. Dalam kehidupan orang Melayu pada ketika itu, yang juga gemar dipelajari ialah berbagai ilmu dan hikayat-hikayat yang memberi pengajaran.¹

Hanya selepas satu gerakan islah yang dilihaskan oleh tokoh Islam ihad ke 20 : Sayyid Jamaluddin Al-Afghānī (1839-1897) dan Mohamad Abduh (1849-1905), bermula pengajian Bahasa Arab secara formal dilakukan di Madrasah-madrasah. Mata pelajaran Islam tidak lagi terutamanya kepada soal-soal ibadat dan tauhid sahaja.²

Kebelakangan ini kerajaan mula menaruh minat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab lalu menjadikannya sebagai salah satu subjek yang diajar di sekolah-sekolah kerajaan. Menyadari kepentingan Bahasa Arab dan minat yang ditunjukkan oleh umat Islam di Malaysia masa kini semakin bertambah, kerajaan telah menerima mata pelajaran ini sebagai salah satu subjek pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi.

" antara institusi pengajian tinggi yang memberi sesi Bahasa Arab sebagai satu mata pelajaran ialah Akademi Islam.

2.1 Sejarah Pengambilan Bahasa Arab di Akademi Islam.

Akademi Islam telah ditubuhkan hasil daripada pengambilalihan Vakasan Pengajian Islam Nilam Puri (VPTIK) yang ditubuhkan oleh kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 1963. Ia telah diserahkan oleh Sultan Musa Hitam pada tahun 1981.*

Diantara syarat-syarat yang tercatat dengan jelasnya sejak itu masa pengambilalihan VPTIK dijalankan ialah Akademi Islam berhak mengekalikan pengamalan Bahasa Arab didalam perlatarannya dengan telas dan menyeluruh.**

Pengajian Bahasa Arab terletak di bawah Akademi Islam sepenuhnya.* Akademi Islam berlusa penuh dalam soal pemilihan guru, bilik yang digunakan, pengkelasan pelajar-pelajar dan segala halanya yang berkaitan dengan pengajian Bahasa Arab di Akademi Islam. Ia tidak diletakkan di bawah Pusat Bahasa sebagaimana beberapa bahasa lain yang diajar di Universiti Malaya.

Pada tahun 1983 hingga kini, Bahasa Arab telah diambil alih oleh pusat bahasa. Pertukaran ini berlaku kerana beberapa masalah pentadbiran.

1. Pihak akademi tidak boleh mengambil pensyarah yang qualifikasinya berasang dari Ijazah Sarjana. Sedangkan guru-guru di Pusat Bahasa boleh menerima dari lulusan Ijazah Sarjana Muda sahaja. Sekurang-kurangnya

ini dapat mengurangkan masalah kekurangan guru-guru Bahasa Arab di Akademi Islam akibat daripada bilangan murid yang bertambah.

• Guru-guru bahasa tidak boleh diletakkan dibawah Dekan fakulti yang lainnya, perlu untuk mewujudkan satu unit untuk mengurus masalah penyajaran, pembelajaran, syllabus/rancangan pelajaran, pengelasan pelajar dan sebagainya, ia akan ditetapkan sebagai unit Bahasa Arab. Walau bagaimanapun, penubuhan unit ini akan hanyalah merumitkan lagi pentadbiran Akademi Islam yang masih lagi muda dan serba kekurangan.*

3. Bahasa Arab di Akademi Islam memerlukan kemahiran bertulis, munisik dan bertutur kerana bahasa pengantaranya ialah Bahasa Arab. Kehanyakannya dari buku-buku rujukannya juga adalah dalam Bahasa Arab. Guru-guru Bahasa Arab yang mempunyai pengkhususan dalam pengajian Bahasa Arab boleh melaksanakan misi ini dengan lebih baik. Penyayarah-penstyarah dari Fakulti Syariah dan Ummudin yang tidak ada pengkhususan dalam Bahasa Arab bolehlah menuupukan seluruh tenaga mereka kepada bidang masing-masing.*

Akademi Islam akhirnya membuat keputusan untuk menularkan semua unit pentadbiran pengajian Bahasa Arab kepada Pusat Bahasa. Walau bagaimanapun kurikulum dan dasar masih lagi dipegang oleh pihak fakulti. Pusat Bahasa hanya berfungsi sebagai pembekal guru sahaja.

2.2 Kelayakan tenaga pengajar Bahasa Arab.

Tenaga pengajar Bahasa Arab diambil daripada mereka yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kepujian di dalam bidang pengajian

Ujian Arab atau mana-mana kursus yang dibuat di dalam Bahasa Arab ini walaupun lulusan dari dalam atau luar negarai yang telah menguasai Bahasa Arab dengan baik. Keulangan disebabkan keadaan alih-alih yang menyebabkan pengkhususan dalam bidang pengajaran Bahasa Arab.¹¹

2.3 Pemilihan pelajar.

Pemilihan pelajar dibuat oleh pihak fakulti berdasarkan kepada kelayakan lulusan peperiksaan SPM dan STPM. Mata pelajaran yang diutamakan dalam pemilihan dibuat adalah mata pelajaran Bahasa Arab.

Seseorang pelajar yang memohon masuk ke Kursus Persediaan Pra-Alamai Islam Universiti Malaya mestilah lulus Sijil Pelajaran Malaysia. Terdapat syarat-syarat yang mestilah dipenuhi sebelum sesuatu permohonan itu diterima. Di antara syaratnya ialah seorang calon itu mestilah sekurang-kurangnya lulus dalam Bahasa Arab atau lulus peperiksaan STU atau Empat Thanawi.¹² Untuk komasukan calon ke kursus Semester III, mereka hendaklah lulus mata pelajaran Persediaan Arab pada peringkat SPM dan mendapat sekurang-kurangnya satu prinsipal atau dua subsidiari dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan tanpa menetapkan tahap minima yang mestilah dicapai oleh calon di dalam Bahasa Arab.¹³

Walau bagaimanapun, pada realitiinya, pemilihan jadi untuk ke kursus Persediaan Pra adalah lebih tinggi daripada yang tercubut di atas. Pelajar-pelajar biasanya dipilih daripada mereka yang mendapat pengajaran A1 atau A2 di dalam mata pelajaran Bahasa Arab ini. Calon-calon yang mendapat kredit masih lagi diterima jika dia tunduk oleh

Biangkang Sijil Tinggi Agama.¹²

Seorang pelajar yang memohon untuk mengikuti i... kursus Ijazah Akademik Islam Universiti Melayu pulak mestilah ia... dalam semua peringkat pelajarannya di peringkat kursus Persediaan Pra dengan jayanya.¹³ Pelajar yang memohon melalui Sijil Tinggi Persetujuan akan diterima dan pada mereka yang mendapat prinsipal di dalam Bahasa Arab,¹⁴ bahagian mereka akan menjadi lebih kuat jika disokong ... sebarang Sijil Tinggi Agama atau Empat Thanawi.¹⁵

2.4 Sukatan pelajaran Bahasa Arab.

Sukatan Bahasa Arab yang dilaksanakan di Akademi Islam dibuat oleh Iujnah Bahasa Arab yang dilantik oleh Akademi.¹⁶ Sukatan itu dibuat untuk dua peringkat pengajian iaitu peringkat pra dan peringkat akademi.

2.4.1 Sukatan pelajaran Bahasa Arab Pra.

Pelajar-pelajar kursus Persediaan Pra akan ditawarkan i... kursus-kursus di peringkat Ijazah Sarjana Muda Akademik Islam yang bahasa pengantarinya ialah Bahasa Arab. Oleh itu sukanan pelajaran bagi peringkat ini mestilah berseuaian dengan keperluan mereka untuk berhadapan dengan suasana pembelajaran yang lebih ilmiah di peringkat akademi. Sebagai memenuhi tuntutan-tuntutan ini maka kursus Persediaan Pra telah menawarkan beberapa mata pelajaran asas Syar'iyyah, Usuluddin, Bahasa Arab, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kursus ini menggunakan bahasa pengantar Bahasa Arab di dalam semua mata pelajaran

yang diajar kecuali bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Mata pelajaran Bahasa Arab adalah yang terpenting di dalam kursus Persediaan Pra ini kerana ia nadi bagi lancaran penerimaan dan berian di dalam method pembelajaran moden di Akademi Islam. Oleh itu penekanan pembelajaran Bahasa Arab ketika ini tidak senapukan kepada kenyataan, kreativiti bahasa, telefonik, terjemahan, enkripsi dan bacaan teks. Penekanan seperti ini adalah perlu, untuk selatih pelajar-pelajar supaya mahir di dalam Bahasa Arab.¹⁷

Kursus Persediaan Pra menawarkan kepada pelajar pelajar, satu bentuk program intensif selama dua tahun, yang terbahagi punya kepada empat semester. Sulutan pelajaran bagi setiap semester adalah sejalan dan meningkat. Ini bererti selepas tahun pertama pelajar-pelajar akan dihadapkan dengan sulutan yang lebih tinggi dan berat. Sukatan pelajaran Bahasa Arab yang disediakan ini merupakan hanya sekedar membincangkan asas-asas laodah yang diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar membaca, menulis dan bertutur dengan kadar sekerhana. Ia mirip kepada sukatan pelajaran Bahasa Arab bagi insprirasi STPM yang diajar di sekolah-sekolah.

2.4.1.1 Sukatan pelajaran Bahasa Arab Pra bagi tahun pertama.

Sukatan pelajaran yang disediakan ketika ini mencakupi Maqāl, Jawā'id, Muṭālaah, Nugūs dan terjemahan.

1. Magħbi.

Penekanan diberikan kepada penulisan surat-surat kiriman, perintah, jeputan, diskriptif dalam semula jadi dan sebagainya. Di samping penulisan, mereka juga dilatih bertutur dalam Bahasa Arab. Guru akan membekalkan perbandaharaan kata, gaya-gaya Bahasa Arab yang baik serta membantu, berbincang dan memberi persiratan terhadap kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar. Ia diajar selama 2 jam seminggu.

Qawā'id.

Kursus ini dijalankan empat jam seminggu. Ia pula terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Nahū, Saraf dan Balāghah. Tajuk-tajuk yang dipelajari di dalam mata pelajaran Nahū mencakupi kaedah-kaedah agas ḥilfrah, Ma'rifat, Mubtada', Khabar, Maṣ'ul dan Fā'il wa-Naibuhu. Antara pelajaran Saraf pula mengemukakan tajuk-tajuk seperti Muqarrad Wal-Mazid, Mu'tal wa-Salih dan sebagainya. Tajuk-tajuk Balāghah yang dipelajari pada tahun pertama ini membingungkan 'Ilmu Rayān seperti Tasybih, Isti'raq. Ia juga membingungkan sedikit tentang Ilmu Ma'āni seperti Khāhar dan Inṣyā.

2. Mutala'ah.

Peruntukan masa yang diberikan untuk pelajaran ini ialah selama 1 jam seminggu. Di dalam mata pelajaran ini guru akan menjadi bimbing kepada pelajar-pelajar supaya dapat memahami sesuatu soalan dengan baik, mampu menjawab soalan yang dilemukakan

digunakan petikan tersebut dan mampu membaca petikan dengan baris yang betul. Untuk tujuan tersebut sebanyak 30 petikan telah disediakan dari berbagai-bagai tajuk.

1. **Nusūs.**

Nusūs Adabiah dibahagikan kepada dua bahagian yang perlu dipelajari:

a. Teks Prosa.

b. Teks Puisi.

Kursus yang mengambil masa selama dua jam seminggu itu membincangkan tajuk-tajuk yang pribagai dan terpilih.

2. **Terjemahan.**

Masa yang diperuntukan untuk Terjemahan hanya satu jam seminggu. Tajuk-tajuk yang dipilih untuk diterjemahkan diambil dari buku-buku renden, majalah dan akhbar-akhbar. Pelajar dikehendaki melakukan penterjemahan secara vice versa iaitu samada penterjemahan dari Bahasa Arab ke Bahasa Malaysia atau dari Bahasa Malaysia ke Bahasa Arab.
(lihat Lampiran A)

2.4.1.2 **Sukatan pelajaran Bahasa Arab Pra bagi tahun kedua.**

Kursus ini adalah sebagai menyambung siri-siri latihan yang telah ditempuh oleh pelajar pada tahun pertama. Ia mengandungi dua bahagian iaitu Maqāl dan Qawṣ' id.

1. Nau'i.

Tajuk-tajuk Magal bagi tahun ke dua ini mencakupi permasalahan linggaman dan kemasyarakatan. Dengan hanya peruntukan dua jam seminggu guru akan selatih pelajar-pelajar bertutur di samping menulis. Seperti lazimnya seorang guru bahasa, mereka hendaklah berbincang, mengutur, menambah perbendaharean kata dan membetulkan gaya bahasa pelajar-pelajar.

2. Qawa'id.

Kursus ini mengandungi mata pelajaran Nahu, Saraf dan Balaghah. Empat jam seminggu yang diperuntukan kepada subjek ini terpaksa pula dibahagikan kepada tiga bahagian. Kebiasaannya dua jam diberikan kepada Nahu dan satu jam untuk Saraf dan Balaghah.

Pada tahun ke dua ini, pihak akademi telah memilih tajuk-tajuk Nahu seperti Hāl, Istithnā', Tamyīz, Nawāsiḥ, Idhāfa' dan lain-lain. Sementara mata pelajaran Saraf mengandukkan tajuk-tajuk yang banyak antaranya ialah Isim Fā'il, Isim Maf'ūl, Iam' dan sebagainya. Mata pelajaran Balaghah pula membincangkan Ilmu Ma'āni dan Ilmu Badi'.

3. Mutala'ah.

Mata pelajaran Mutala'ah mendapat peruntukan masa tiga jam seminggu untuk dimanfaatkan. Tajuk-tajuk yang berhak untuk dipelajari dalam tempuh setahun mestilah tidak kurang dari 30 tajuk. Tajuk-tajuk yang dipilih untuk dipelajari diambil dari pelbagai sumber seperti siat, sejarah, tokoh, rencana dan nasihat.

Nusus.

Nusus Adabiat diajar selama dua jam seminggu. Ia termahau kepada bentuk teks prosa seperti surat, ayat Al-Quran, khutbah dan lain-lain. Selain daripada itu Nusus Adabiat juga mengemukakan teks-teks bahasa untuk puisi.

Terjemahan.

Tajuk-tajuk terjemahan dipilih dari buku-buku sarden, majalah dan bahan. Pelajar-pelajar mestilah sekurang-kurangnya dapat melakukan penterjemahan samada dari Bahasa Malaysia ke Bahasa Arab atau pun dari Bahasa Arab Ke Bahasa Malaysia tidak kurang dari empat belas tajuk setahun. Guru pula mempunyai tanggungjawab untuk memberikan kaedah terjemahan dan istilah-istilah yang penting. (lihat lampiran B).

2.4.2 Kursus pelajaran Bahasa Arab di peringkat fakulti.

Kursus Bahasa Arab di peringkat ini berjalan selama empat tahun yang setiap satu tahun, mengandungi dua semester. Dan pada setiap tahun kursus ini menyediakan tajuk-tajuk yang terpilih. Tajuk-tajuk ini akan pelajaran yang disediakan untuk peringkat fakulti hampir serupa dengan tajuk-tajuk di Pra tetapi pengisian bagi setiap tajuk adalah lebih detail dan mendalam. Masa pembelajaran kursus ini ialah empat jam seminggu.

2.4.2.1 Tahun pertama.

Kursus Bahasa Arab di tahun pertama mengemukakan mata pelajaran

Qur'an, Saraf, Balaghah, Maqal Mal-Hiwar, Sirr'at dan terjemahan.

Nahu.

Tajuk-tajuk bagi mata pelajaran Nahu berdasarkan kitab Audhāh Al-

Ila Alfiāq Ibnu Malik li Ibni Misyam Al-Anṣārī. Perbincangan

di sekitar tajuk Mu'reb Mal-Mabni, Nak'tah Mal-Mu'mīnūt, Aqām

'Arif, Mu'badda' Mal-Khabar dan Kawādīh.

Saraf.

Tajuk-tajuk bagi mata pelajaran Saraf pula meliputi Mīzān Al-

Anwā' Al-Af'āl, Mujarrad Mal-Mazīd dan sebagainya. Kitab yang

digunakan ialah Syazza Al-'Urf.

Balaghah.

Perbincangan Balaghah adalah di sekitar tajuk-tajuk Al-Fiqāh

Malāghah, Usub Ma-Amū'uhu dan Tasybih yang dipilih dari Ilmu Al-

Ma'ān.

Maqāl Mal-Hiwar.

Mata pelajaran Maqāl akan diajar mencakupi penulisan surat-surat

harlahonan, kejadian sehari-hari dan gambaran alam semula jadi. Sementara

mata pelajaran Hiwar akan membincangkan secara pertuturan tajuk-tajuk

yang dipilih.

Sirr'at Mal-Tarjimah.

Mata pelajaran ini diajarkan kepada pelajar-pelajar sebagai

ilah berasaskan dengan sasaran keadaan keadaan Bahasa Arab yang dipelajari, latihan penerjemahan dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu dan juga latihan penggunaan kosak Bahasa Arab. Tajuk-tajuk dipilih bersejuaan dengan fikrah dan tahap pencapaian pelajar serta mampu membekalkan perbandaranan kata kepada pelajar sekurang-kurangnya 200 kalimat baru yang berhubung kait dengan kehidupan ria. Petikan diambil daripada buku-buku dan majalah berbahasa Arab. (Lihat lampiran C).

2.4.2.2 Tahun kedua.

Kursus Bahasa Arab pada tahun ke dua ini adalah sebagai tambang tajuk-tajuk pembelajaran di tahun pertama.

Nahū.

Pembelajaran Nahū di peringkat ini adalah menggunakan buku Audhāh al-lit Itu sendiri. Tajuk-tajuk yang dipilih antaranya ialah 'Istighāh, Tanzū', Maf'ūl dan sebagainya.

Saraf.

Tajuk-tajuk yang dipelajari pada tahun ke dua ini meliputi Musâkar Wal-Mutannabî, Maqâdir Wa-Anwa'uhu, Isim Fâ'il, Maf'ûl dan sebagainya.

Balâghah.

Balâghah membincangkan tajuk-tajuk dari Ilmu Al-Bayân dengan modulhususan di dalam tajuk Ibtî'ârat. Ia juga membincangkan tajuk-

ik dari Ilmu Al-Had'ah seperti Usulul Inayat dan Usulul Khabori.

Maqāl Ma'l-Mu'āz.

Pembelajaran Maqāl akan membincangkan permasalahan keagamaan, masyarakat, kebedayaan, politik, ekonomi dan etik. Kerangka makalah ditulis sekurang-kurangnya 12 kali setahun.

Tahun kedua, menurut sukanan pelajaran tidak lagi mengandalkan fir'a'at dan terjemahan sebagai latihan kepada pelajar. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya mata pelajaran ini tetap dilanjutkan oleh guru-guru yang mengajar. (lihat lampiran C)

2.4.2.3 Tahun ketiga.

Kursus Bahasa Arab tahun ke tiga mengandalkan semula mata pelajaran Qira'at dan terjemahan di samping mata pelajaran-mata pelajaran lain kecuali Maqāl yang digugurkan dari sukanan pelajaran. Walau bagaimanapun, seperti juga Qira'at di tahun ke dua, pada tahunnya mata pelajaran ini tetap dijalankan bergantung kepada budi dan guru-guru yang mengajar.

Nahū.

Pembelajaran Nahū di tahun tiga ini juga menggunakan kitab Audhah Al-Maqālik sebagai bahan bacaan utama. Pada kenyataannya pelajar-jar pada peringkat ini belum lagi didegahkan dengan cara pembelajaran pembacaan kitab tua. Tetapi tajuk-tajuk yang dipelajarilah berdasarkan kitab tersebut.

Saraf.

Pertimbangan Saraf berkisar kepada tajuk-tajuk Isim Makmur, Nama, Mognis, Jasa' Tashrif dan sebagainya.

Balaghah.

Mata pelajaran Balaghah membincangkan ilmu Al-Ha'ani dengan tajuk yang dipilih seperti Al-Faslul Wal-Maslu, Qasar, Ijaz, Ashab dan Musawat.

Al-Qira'at Wa-Tarjamah.

Seperi yang sudah dimaklumi, mata pelajaran ini dicipta untuk kepada matlamat-matlamatnya kecuali melahirkan pelajar yang mampu menguasai Bahasa Arab dari sudut bacaan sahaja. Jika sebelum ini pelajar-pelajar hanya dibekalkan dengan petikan-petikan yang diambil dari majalah-majalah Arab yang soden, kini setelah dua tahun berlalu, ia jinah membekalkan pelajar-pelajar dengan petikan-petikan dari buku sastera Arab etampun buku-buku yang mempunyai nilai bahasa tinggi. (lihat lampiran E).

2.4.2.4 Tahun Keempat.

Kursus membentuk empat mata pelajaran kepada pelajar-pelajar tahun empat iaitu Nahwu, Saraf, Balaghah dan Qira'at.

Nahwu.

Mata pelajaran ini membincangkan tajuk-tajuk seperti Tawâbi', Asma'

Al'āl, Mu'minah, Mu'minah Al-Jawziyah dan lain-lainnya. Perbincangan dibuat ke atas perkembangan Ilmu Nahū.

Kurat.

Surat mengundangkan tajuk-tajuk seperti Jām' takṣī, Idghām, Al-ī dan Al-ī'lāl.

Balaghah.

Tajuk-tajuk Balaghah yang disusun untuk tahun empat ini diambil dari perbincangan Ilmu Al-Badi'. Antara tajuk-tajuk yang diajar ialah ḥadāth, At-Tibaq, Muqābat, Muqānat Al-Ma'nowiyyah dan Al-Muqānat Al-Nafziah.

Qira'at.

Tajuk-tajuk yang dipilih untuk tahun empat adalah sebagai berikut, ambug pembelajaran yang disusun di tahun tiga. Petikan-petikan untuk tahun ini diambil dari sumber yang sama sebagaimana di tahun tiga.

Sukatan pelajaran ini tidaklah terlalu rigid. Guru yang mengajar mungkin mengambil bahan-bahan pengajaran di luar dari ketentuan satan. Ringkasnya, pembelajaran Bahasa Arab di Akademi Islam dan keberkezahananya berhadapan pelajar adalah bergantung sepenuhnya kepada suakatan yang digunakan oleh guru-guru bahasa. (lihat lampiran F).

N-i-a Kek

Dr. Heron Din dan Dr. Sobri Sulaiman, Makalah pendidikan Islam di Malaysia, (cetakan ke 2), Kuala Lumpur, al-Rahman srl., Januari 1999, m.s 16-17.

Ibid . m.s 19.

Akademi Islam Universiti Malaya, Buku Panduan Tahun Akademik 1996/97 m.s 1.

Ibid.

Ibid.

Ibid.

Ibid.

Ibid.

Wawancara dengan Ustaz Abdullah Tahsin Abdul Latif pada 24hb Oktober 1999.

Sijil Tinggi Agama dan Sijil Empat Tingkai menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantarinya. Sijil Empat Thanawi diktiraf oleh Universiti al-Azhar.

Akademi Islam Universiti Malaya , Op cit, m.s 12.

Wawancara dengan Ustaz Mahoud Zuhdi Dekan Fakulti Syariah pada 22hb November 1999 di Akademi Islam Bangunan IPT, Universiti Malaya.

Kursus ini menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantarinya terutamai dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Akademi Islam Universiti Malaya , Op cit, m.s 13.

Ibid . m.s 128.

Wawancara dengan Ustaz Mahoud Zuhdi Dekan Fakulti Syariah pada 22hb November 1999 di Akademi Islam Bangunan IPT, Universiti Malaya.

Ibid.

Akademi Islam Universiti Malaya , Op cit, m.s 18.